

21/07/2002

Mahathir pahlawan Melayu sebenar

Jamhariah Jaafar

Pengakuan Pak Habib

MEMANG boleh difahami sekiranya penyokong atau peminat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan memuji ketokohan dan kecemerlangannya sepanjang 21 tahun menjadi Perdana Menteri. Namun bagi seorang yang tidak putus-putus mengkritik, malahan sebelum beliau menjadi pemimpin nombor satu negara lagi, air mata yang mengalir apabila mendengar pengumuman peletakan jawatan sudah tentu lahir dari kekesalan yang tidak sudah.

Tetapi itulah yang berlaku pada Syed Hussein Alatas atau lebih dikenali dengan nama Pak Habib. Penulis politik tanah air yang mengecap kemewahan hasil tulisan yang langsung tidak ditapis ini, tidak dapat menahan air mata apabila mendengar Perdana Menteri membuat pengumuman itu di Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur pada 22 Jun lalu.

Penulis ini berasa buku terkininya 'Mahathir Mudah Lupa' mungkin yang terakhir, kerana tanpa Mahathir 'tiada lagi modal' baginya untuk mengkritik. Namun, dia ada perasaan tersendiri apabila Perdana Menteri mengumumkan mahu bersara mulai Oktober tahun depan.

Ketika mendengar pengumuman persaraan Dr Mahathir, Pak Habib menitiskan air mata.

"Kita tahu semua orang akan mati atau meninggalkan jawatan tapi bagi seorang anak, bila tahu bapa dia akan mati dia akan berasa kehilangan yang amat besar. Dalam hal peletakan jawatan Dr Mahathir ini ia boleh diibaratkan satu kematian, kesedihannya amat mendalam," katanya dalam satu pertemuan dengan Berita Minggu, baru-baru ini.

Pak Habib mengakui, sebagai seorang yang telah menulis 31 buku sepanjang pemerintahan Dr Mahathir, beliau mengikuti setiap pergerakan Dr Mahathir - daripada zaman Musa Hitam hinggalah ke Anwar Ibrahim. Perdana Menteri sudah melalui pelbagai cabaran dan selama ini walau bagai kerasnya kita mengkritik, beliau terus kuat dan itu terletak nasib baik Dr Mahathir..

Cuba lihat ketika kejatuhan (Presiden) Suharto di Indonesia, Malaysia turut dilanda krisis politik serius., Al-Gore (bekas naib presiden AS), Madeleine Albright (bekas Setiausaha Luar AS) datang, dengan semua tekanan itu orang sudah fikir 'Mahathir dah habis', apa lagi apabila ekonomi kita semakin teruk.

"Kerana itu saya kata Allah menyebelahi Dr Mahathir. Ketika Anwar 'kena', orang kata keputusan manusia tidak boleh dipakai. (Ketika itu) Orang buat sembahyang hajat di mana-mana, di sini, di Makkah, tapi Dr Mahathir tetap macam itu juga, Dr Mahathir menang. Tak ada orang terfikir dengan kedudukan ekonomi kita pada 1999, Malaysia boleh terselamat. Pasaran saham merudum teruk sampai 200 mata... kita ingat dah tak ada harapan. Tapi akhirnya segala-galanya pulih.

"Bagi saya jika Dr Mahathir boleh survive dalam negara sendiri, itu perkara biasa tapi bila dia diterima oleh AS, bila (Presiden) Bush hendak berjumpa dia dan orang Arab Dr Mahathir menjadi ketua mereka... ini adalah satu yang di luar kebiasaan, tidak pernah berlaku di mana-mana. Pembangkang kita kata, Malaysia tidak cukup Islam tapi orang Arab melihat Islam kita lebih baik daripada mereka. Semua benda ini Dr Mahathir buat," jelasnya.

Menurut Pak Habib, apa yang Mahathir tidak buat, dia telah membuat peninggalan yang mengagumkan, peninggalan yang tidak pernah dibuat oleh bangsa Melayu lain sebelum ini. Kalau Melayu ketika zaman Hang Tuah di Melaka, yang ditinggalkan ialah peninggalan penjajah seperti Kota Melaka,

kita tak tengok ada istana langsung di Melaka. Bagi saya cerita mengenai pahlawan Melayu ini hanya satu lagenda atau retorik semata-mata. Kita hanya dengar cerita, kubur Hang Tuah yang ada sekarang, entah betul entah tidak.

"Jadi bagi saya pahlawan Melayu sebenar sekarang ialah Dr Mahathir, dia berjaya buat benda-benda besar, yang dunia boleh tengok kemampuan Melayu hari ini. Lihat saja pada Perhimpunan Agung baru lalu, di Hotel Pan Pacific saja penuh kereta mewah milik Melayu yang datang untuk menghadiri perhimpunan Umno... dulu kalau datang dengan basikal saja pun sudah cukup hebat. Bangsa Melayu yang ada sekarang ialah bangsa Melayu yang dilahirkan oleh Dr Mahathir.

"Apa yang membuat orang seperti saya sedih ialah menteri-menterinya yang tidak menyerlah dan tidak ikhlas. Ramai macam budak nakal dan Dr Mahathir tahu kalau dia berhenti, siapa pun tak boleh menyelesaikan masalah... semua ada rekod. Saya menangis pada hari itu, kerana saya kasihan dan takut untuk melihat apa yang bakal berlaku kerana hari ini Dr Mahathir yang banyak menyelamatkan keadaan.

"Pada masa yang sama saya kecewa kerana orang seperti Dr Mahathir ini boleh merajuk. Kerja merajuk ini orang seperti Dr Mahathir tidak patut buat. Saya tulis buku baru ini (Mahathir Mudah Lupa), saya tujukan khas kepadanya. Saya letakkan beliau sebagai 'Pahlawan Melayu Abad ke 21' kerana kita tak tengok lagi dari zaman Hang Tuah sampai hari ini, ada seorang Melayu yang gagah dan jaguh seperti Dr Mahathir. Bagi saya Hang Tuah dulu sekadar 'barua' kepada raja. Apa kata raja dia ikut, siap bekalkan perempuan untuk raja. Tapi Dr Mahathir tidak, dia kawal keadaan, dia beri raja kemewahan dan kesenangan dan raja dengar cakap dia... itu baru kita kata pahlawan.

Sebab itu, Pak Habib berpendapat, Allah selamatkan Dr Mahathir. Kalau dilihat di Asia ini belum ada pemimpin sepertinya, tapi orang Melayu ini sukar berterima kasih pada Dr Mahathir, ramai yang masih dendam dengannya.

"Bagi saya bila Dr Mahathir kata mengenai Melayu malas, saya lebih suka kata bahawa menteri-menteri dia yang malas, menteri tak buat 'homework', ahli Parlimen tak buat 'homework' Dr Mahathir buat kerja tapi orang orang tak nampak, dari pagi buta hingga tengah malam, dia tak ada 'jet lag' dia tak ada holiday, tak ada masa untuk anak bini... segala-galanya untuk bangsa Melayu.

"Kalau nak cari kesalahan memang senang, tapi keikhlasan dia tak siapa boleh pertikaikan. Dia tak buat salah atau dosa, dia tak minum arak, awak tak nampak Dr Mahathir simpan betina, awak tak nampak Dr Mahathir pergi dangdut, awak tak nampak Dr Mahathir hisap rokok, awak tak nampak Dr Mahathir pergi berjudi. Jadi benda-benda yang ditegah kita tak nampak dia buat. Perkara yang disuruh, saya kalau kata banyak kali bohong, tapi biasa terserempak dia sembahyang di masjid dan sembahyang bertertib.

"Orang tak nampak dia ikut Islam sebab dia tak pakai serban, dia tidak dilihat sebagai tokoh agama sebab dia tak bawa hadis dan al-Quran, orang Melayu masih berpersepsi bahawa seorang ulama itu mesti ada serban besar, mesti ada janggut, ada misai, mesti boleh baca ayat Quran, mesti boleh berkhotbah. Tapi semua perkara ini ada dalam diri Dr Mahathir, orang tak nampak.

Dr Mahathir rosak sebab musuh-musuh politik serang dia tak berhenti-henti, ditanam semangat kebencian. Orang tak pernah bercakap mengenai kebaikan Dr Mahathir, kita tak pernah tengok pembangkang yang kata ada baik Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengapa pak Habib banyak mengkritik Dr Mahathir, tetapi pada masa yang sama turut begitu mengaguminya, beliau berkata: "Kalau orang tak kagum dengan Dr Mahathir maknanya dia tidak berfikir. Pada setiap satu zaman, Allah akan turunkan hanya seorang tokoh macam Dr

Mahathir.

"Saya bernasib baik kerana saya kenal dengan semua Perdana Menteri 'in person' bukan sebagai wartawan yang tengok PM dari jauh. Bila awak tanya apa yang menyebabkan saya kagum dengan Dr Mahathir ialah minda dia yang mengatasi minda pemimpin lain di Asia. Saya pernah kenal Sukarno di zaman dia. tapi minda yang ada pada Dr Mahathir ini kita tak nampak ada pada pemimpin kita. Di setiap zaman akan ada pembawa risalah, orang yang mengubah atau mujadid. Tapi orang tak nampak Dr Mahathir begitu kerana persepsi orang Melayu, mata hati mereka tertutup, dia langsung tak nampak sifat-sifat baik Dr Mahathir yang baik.

"Orang tidak nampak Dr Mahathir sebagai pemegang amanah Allah. Lihat dia menjaga Malaysia, dari sebuah negara miskin sehingga menjadikan ia sebuah negara kaya raya. Dia melihat Islam dari perspektif yang lain dari ulama. Selalunya kemiskinan misalnya mendekatkan manusia kepada kekufuran, jadi Dr Mahathir tidak mahu melihat kita hidup miskin, kita mesti kaya. Ramai tidak tahu Dr Mahathir membaca sejarah Rasulullah s.a.w.," katanya.

Contohnya mengenai kehidupan korporat, Rasulullah dulu memang seorang tokoh korporat, kalau kita tanya ulama dia mungkin kata salah tapi ketika zaman Nabi Muhammad, ada ramai ahli perniagaan yang hebat jadi Rasulullah mesti muncul sebagai yang terbaik dan nilai yang berbeza... barulah orang akan hormat. Nabi Muhammad juga seorang yang berilmu dan suka mengembara.

Tabligh pula makna menyampaikan dan Dr Mahathir sentiasa menyampaikan. Contoh buku *The Malay Delima*, dia mengkritik dan cuba membetulkan Melayu. Dia melihat Melayu sebagai 'the ugly Malay', jadi bila saya yang menulis buku 'The Ugly Malays', dia berkata 'you bolehlah tulis macam ini, saya tak boleh'. Dr Mahathir juga memiliki sifat fatanah, bijaksana. Jika dibandingkan dengan pembangkang terutama Pas, mereka 10 peratus pun tidak mencapai tahap minda Dr Mahathir. Lihat saja di Malaysia ini, semua orang takut dengan Mahathir, (Datuk Seri) Dr Ling Liong Sik dan (Datuk Seri) Samy Vellu panggil dia 'sir' takut bukan kerana Dr Mahathir diktator tapi takut sebab dia bijak, banyak benda yang dia tahu tapi orang tak tahu, Jadi bagi kekuatan sebenar Dr Mahathir ini terletak pada ilmu. Dia memahami Quran dari satu perspektif berbeza, dia tidak lihat Quran seperti orang lain yang sekadar menyanyi (berlagu), dia menterjemah dan cuba merealisasikan apa terdapat di dalam Quran.

Contohnya, dalam Quran menyebut mengenai taman di syurga. Orang biasa, malahan ulama pun tidak pun tak pernah memikirkan atau menggambarkan syurga itu sebagai taman. Tapi Dr Mahathir cuba merealisasikan konsep taman syurga itu pada KLCC. Tapi apa yang menyedihkan ialah ulama-ulama kita sekarang amat cetek pemikiran mereka dan langsung tidak dapat cuba menterjemah Quran dan cuba melaksanakan apa yang disaran Allah s.w.t... 'wavelength' dan frekuensi mereka tak sampai pada tahap minda Dr Mahathir.

Beliau mengakui, bila tak betul kita kena kritik, itu kerja kita. Kena ada 'check and balance'. Dia bukan malaikat, dia hanya manusia biasa, tidak sempurna dan tidak ada pemimpin yang sempurna. Kalau kita sentiasa puji, dia akan berasa diri dia terlalu hebat, sebab itu dia terpaksa ditegur. Dia perlukan cermin dan penulis ini cermin dia. Orang lain tak berani menegur kesilapan Dr Mahathir, jadi saya menganggap diri saya perlu melakukan sesuatu.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai kegagalan utama Dr Mahathir. Pak Habib berkata:

"Apa yang disampaikan dan ingin dibuat, tak ada orang yang boleh menterjemahkannya dengan baik untuk sampai kepada massa. Jadi akhirnya dia berada di awang-awangan, jurangnya terlalu jauh dengan orang di bawahnya. Misalnya, dia cuba jadikan orang Melayu kaya dengan melahirkan 10 orang bilionaire, dan mereka ini patut lahirkan ramai jutawan dan jutawan ini pula patut membantu ahli perniagaan lain. Tapi dia nak buat dalam masa

terlalu singkat, semua dia nak buat.

"Saya kritik Dr Mahathir bukan sebab saya benci dia, tapi dia perlu ditegur. Dan saya fikir dia lebih suka orang menegur dia daripada orang memuji dia. Sebab itu dia tak pernah benci saya. Satu sikap baik Dr Mahathir ini ialah dia mudah melupakan kesalahan orang.

"Sebab itu bila Dr Mahathir hendak berhenti cara mendadak seperti ini, saya berasa begitu sedih. Dengan adanya Dr Mahathir, kami dapat buat berpuluh buku. Penulis seperti saya memang orang benci, tak suka kerana kerja kita mengkritik orang. Tapi Dr Mahathir tak kisah, Satu benda saya fikir ramai orang tak nampak ialah mengapa Dr Mahathir kuat dan sihat ialah kerana dia seorang pemaaf.

"Cuba lihat (Datuk) Ibrahim Ali, apa yang Ibrahim tak buat pada Dr Mahathir, tapi Dr Mahathir tetap baik dengan dia, bagi dia tempat (dalam Umno). Dr Mahathir berasakan setiap manusia itu penting. Mana kita hendak cari pemimpin yang boleh hormat manusia seperti Ibrahim Ali atau macam saya sendiri, yang patut dia dah benci saya dan `bubuh' saya dalam jel. Tapi dia tak benci saya, dia masih boleh jumpa saya, dia salam, tanya apa khabar. Patutnya dia letak saya dalam jel.

"Ada orang tanya saya, Pak Habib, awak ini manusia jenis apa, awak bantai Dr Mahathir tapi bila dia berhenti awak menangis, Sebenarnya, saya ini punyalah keras hati, orang yang dekat saya mati pun saya tak menangis, tapi bila Dr Mahathir kata dia nak berhenti saya tak dapat tahan air mata saya. Kalau tak ada Dr Mahathir, orang yang bakal menggantikan Dr Mahathir ini adakah dia akan memberi kita kebebasan untuk menulis suara rakyat. Itu saya susah hati bila Dr Mahathir kata dia nak berhenti, yang lain saya tak hairan. Jadi bagi saya, kehilangan Dr Mahathir nanti adalah satu kehilangan besar terutama bagi penulis seperti kami," tegasnya.